




MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KENYATAAN SEBUT HARGA 'B'

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang masih sah tempoh pendaftaran syarikat dan mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi bagi menyertai sebut harga berikut:-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG
MPPD SH 79/2017	PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018	221606

2. Dokumen Sebut Harga yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :-
- Lampiran Q;
 - Lampiran A – Borang Akuan Sebut harga
 - Lampiran B – Keterangan syarikat Penyebut harga
 - Lampiran C – Pengalaman Syarikat
 - Lampiran D – Surat Akuan Pembida
 - Lampiran E /F – Spesifikasi Harga
 - Lampiran G (i),G(ii) – "Art Work"
 - Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia & Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri
 - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia & Salinan Penyata Bank Syarikat.
3. Borang Sebut Harga boleh diperolehi dan dimuat turun mulai **07 November 2017** secara percuma melalui laman web www.mppd.gov.my.
4. Dokumen Sebut Harga di atas hendaklah dihantar melalui faksimili di nombor 06-6463475 ATAU emel kepada sayani@mppd.gov.my sebelum tarikh tutup iaitu **pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 09 November 2017**.
5. Dokumen yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**. Digalakkan menghantar dokumen awal bagi mengelak kesesakan di mesin faksimili atau emel yang boleh menyebabkan sebut harga syarikat tuan tidak dapat dipertimbangkan.
6. **Tempoh sah laku** sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya **60 hari** selepas tarikh tutup.
7. Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**. Mana-mana syarikat yang tidak menerima pemakluman selepas 45 hari dari tarikh tutup sebut harga dianggap tidak Berjaya.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila berhubung **Puan Sayani Binti Daud** di talian **06-6471122** sambungan **1210**.

Tandatangan : 
Nama Pegawai : HJ ZAMRI BIN MAT.KASIM.....
Yang Dipertua
Jawatan : ... Majlis Perbandaran Port Dickson.....
Tarikh : 6/11/2017.....

LAMPIRAN Q

Kew.284.Pin . 5/94

KERJAAN MALAYSIA
 ARAHAN PERBENDAHARAAN 170
 NEGERI SEMBILAN

Bila
 menjawab, silanyata
 kan nombor ini

NO. SEBUTHARGA

SH79/2017

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga .

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon :

No.Pendaftaran dengan kementerian
 Kewangan :

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
 dengan pembelian ini **221606**

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh

Majlis Perbandaran Port Dickson
 KM 1, Jalan Pantai, 71009
 Port Dickson, Negeri Sembilan

No Telefon : 06-6471122

Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan ke alamat seperti berikut:-
**Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009
 Port Dickson, Negeri Sembilan**
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **14 hari** pada setiap permohonan bekalan/perkhidmatan dibuat.
 - 1.3. Dokumen Sebut harga hendaklah di label nombor Sebut Harga **MPPD SH79/2017**
 - 1.4. Sebutharga hendaklah di e-mail ke sayani@mppd.gov.my / sayanidaud@yahoo.com , serahan tangan atau faks ke 06-6463475 yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari, 09 November 2017.**
 - 1.5. Tempoh sah laku sebutharga hendaklah 60 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : 6/11/2017

Tandatangan

Nama Pegawai

Jawatan

.....
 HJ ZAMRI BIN MAT KASIM
Yang Dipertua.....
 Majlis Perbandaran Port Dickson

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti/K ekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	<p>PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018</p> <ul style="list-style-type: none"> Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Memiliki lesen Kementerian Dalam Negeri Sila sertakan sesalinan penyata akaun bank (3 bulan terakhir). 	<i>*Sila rujuk senarai lampiran</i>	<i>*Untuk diisi oleh Penyebut Harga</i>	
			Jumlah (RM)	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah hari/ minggu/ bulan.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di bekalang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :
.....
.....

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

**DOKUMEN SEBUTHARGA BAGI
PERKHIDMATAN MENCETAK DAN
MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN
NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS
PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018**

NO SEBUTHARGA : MPPD SH79/2017

**TARIKH TUTUP : 09 NOVEMBER 2017
SEBUTHARGA**

**DIKELUARKAN OLEH:
JABATAN PERBENDAHARAAN**

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang
SYARAT AM SEBUTHARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. Tawaran dipelawa kepada pembekal- pembekal yang berpengalaman untuk mereka, mencetak dan menghantar Bil Cukai Taksiran dan Notis Pembaharuan Lesen tahun 2018 di Majlis Perbandaran Port Dickson.
2. Pembekal yang berjaya harus melaksanakan tempoh perkhidmatan dalam tempoh **empat belas hari (14)** hari dari tarikh setuju atau tarikh pesanan tempatan.

3. PERKHIDMATAN

- a) Perkhidmatan yang di gunakan dalam sebut harga ini bermaksud semua kerja-kerja yang dilaksanakan untuk menyediakan keperluan percetakan, membuat sampel untuk percetakan, menjalankan percetakan, proses folding dan inserting, penyediaan keperluan pengeposan, melaksanakan kerja pengeposan bil dan notis Majlis Pebandaran Port Dickson.
- b) Kuantiti bil dan notis adalah anggaran dan Majlis berhak untuk menambah atau mengurangkan kuantiti.
- c) Pembekal perlu mendahulukan bayaran bagi perkhidmatan setem yang digunakan bagi tujuan pengeposan

4. HARGA

- a) Tawaran harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia .
- b) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun , termasuk kos pengangkutan dan lain-lain caj berkaitan.

5. MUTU DAN KUALITI BAHAN

- a) Semua bahan-bahan yang dibekalkan dan digunakan hendaklah baru dan belum terpakai serta mempunyai mutu yang baik.

6. CONTOH / SPESIFIKASI

- a) Pembekal perlu mengemukakan 1 sample "Art Work". Spesifikasi yang di kemukakan hendaklah mengandungi butiran yang dinyatakan di **Lampiran G (i) & G (ii)** pada sebut harga ini dan perlu dipersetujui secara bertulis oleh pihak Majlis.

- b) Tawaran yang tidak disertai dengan contoh **tidak akan dipertimbangkan**.

7. PEMBAYARAN DAN PENGHANTARAN

- a) Pembayaran akan dibuat setelah pembekal menyempurnakan perkhidmatan dan penghantaran sepenuhnya bil dan notis dan diakuterima oleh pihak Majlis Perbandaran Port Dickson.
- b) Pembekal perlu mengemukakan docket atau apa jua bentuk laporan yang dikeluarkan oleh Pos Malaysia sebagai pembuktian kepada Majlis Perbandaran Port Dickson selain inbois tuntutan.
- c) Sekiranya perkhidmatan yang dibekalkan adalah kurang atau lebih dari jumlah yang termaktub dalam sebut harga maka bayaran adalah mengikut kuantiti sebenar perkhidmatan yang telah di beri dan dinyatakan pada inbois. Pembekal perlu mengemukakan inbois bercukai jika syarikat berdaftar GST.

8. INSURANS

- a) Pembekal bertanggungjawab menyediakan insurans kepada kakitangan yang bertugas ketika memberikan perkhidmatan dan pihak kerajaan tidak bertanggungjawab atas segala kerosakan atau kemalangan yang menimpa kakitangan ketika mereka bertugas.

9. KEPUTUSAN

- a) Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. **Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.**

10. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*.
- b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*.
- c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau

pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*.

- d) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*.

MPPD

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Pembekal yang mengemukakan sebutharga adalah tertakluk kepada syarat dan arahan yang terdapat di dalam dokumen ini. Sebutharga yang tidak mengikut syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.
2. Perkhidmatan mencetak bil cukai dan notis kepada pihak Majlis Perbandaran Port Dickson dibuat bermula daripada tarikh surat setuju terima atau tarikh pesanan tempatan dan mengikut spesifikasi yang dinyatakan di **Lampiran G (i) & G (ii)**
3. Dokumen sebut harga boleh diperolehi mulai **07 November 2017** di muat naik di laman web MPPD.

4. KAEDAH MELENGKAPKAN DAN PENYERAHAN SEBUTHARGA

- a. Pembekal perlu mengemukakan salinan Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia sebelum dibenarkan menyertai tawaran sebutharga.
- b. Dokumen sebutharga perlu disahkan, ditandatangani dan dicop oleh pihak pembekal.
- c. Dokumen sebutharga boleh dihantar serahan tangan , e-mail dan faksimili.
- d. Sebutharga yang telah dihantar adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipinda.
- e. Sebutharga yang diterima selepas tarikh tutup adalah **DITOLAK**.
- f. Tarikh tutup penerimaan sebutharga adalah pada **09 November 2017**.
- g. Sebutharga hendaklah dilabelkan :-

“DOKUMEN SEBUT HARGA BAGI MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018”

- h. Pembekal perlu mengemukakan dokumen sebutharga yang lengkap di dalam satu (1) salinan asal .
- i. Sebutharga perlu dihantar secara serahan tangan atau pos di alamat:
**Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Perbandaran Port Dickson,
Km 1, Jalan Pantai
71009, Port Dickson, Negeri Sembilan**

- j. Pihak Majlis Perbandaran Port Dickson tidak akan bertanggungjawab di atas kos penyediaan dan penghantaran dokumen sebutharga yang dibuat melalui kaedah pos.

5. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebut harga ini sah selama enam puluh (60) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

6. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi empat belas hari (14) hari (termasuk hari sabtu, ahad dan cuti umum).

(LAMPIRAN A)

BORANG AKUAN SEBUTHARGA

Kepada :

.....

Tuan,

**NOMBOR RUJUKAN SEBUTHARGA : MPPDSH79/2017
 SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI
 TAKSIRAN DAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT
 DICKSON TAHUN 2018**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebut harga, pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk membekal dan menghantar sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak serta bersetuju dengan spesifikasi yang ditetapkan berserta senarai harga yang disertakan bersama sebutharga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebutharga, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan pembekalan dan penghantaran mengikut Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebutharga yang diberikan.

Pihak bertandatangan dibawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebutharga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebutharga.

Tempoh penghantaran bekalan adalah bagi setiap kali bekalan adalah empat belas (14) hari dari tarikh setuju atau menerima tempahan daripada Majlis Perbandaran Port Dickson.

Tandatangan Penyebut Harga	:.....	Tandatangan kepada saksi Penyebut Harga	:.....
Nama dan Alamat Syarikat	:.....	Nama dan Alamat Syarikat	:.....
Tarikh	:	Tarikh	:

(LAMPIRAN B)**KETERANGAN SYARIKAT PENYEBUTHARGA**

Arahan : Semua butir-butir di dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebutharga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebutharga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran jika perlu.

Butir-butir Syarikat

1. No Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
2. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
3. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
4. Peratus Modal:.....% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
5. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera:Hingga
6. Jenis Syarikat*:
Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain (Nyatakan)

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....
3. Pemegang Saham

	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan
Senarai Pemegang-pemegang Saham			
1.
2.
3.

- Sila potong mana yang tidak berkenaan.

(LAMPIRAN C)

SOAL SELIDIK MENGENAI PENGALAMAN SYARIKAT

1. Sila nyatakan dan sertakan kedudukan bilangan kakitangan teknikal, tahun pengalaman dan kelayakan.
2. Sila nyatakan kerja dalam tangan atau kerja yang masih dikendalikan yang melibatkan syarikat, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat.
3. Pengalaman dalam melaksanakan mereka, mencetak, membekal dan menghantar buku kupon tempat letak kereta dalam tiga (3) tahun yang lepas (sila buat ringkasan mengenai kerja termasuk nilai, pelanggan untuk dihubungi dan alamat/ telefon serta tempoh bekalan tamat di ruangan yang disediakan seperti berikut):-

Nama Pelanggan/ Organisasi dan Alamat	Jenis Pembekalan	Tempoh Pembekalan	Nilai Kontrak/ Pembekalan (RM)

(LAMPIRAN D)

SURAT AKUAN PEMBIDA**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018****(MPPD SH 79/2017)**

Saya, nombor K.P.yang mewakili..... nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD)** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat diatas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Perbandaran Port Dickson atau mana- mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas, dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan : *Potong mana yang tidak berkenaan

(LAMPIRAN E)

i. CADANGAN KERJA-KERJA MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON UNTUK 2018.

Bil	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pengaturcaraan Data <ul style="list-style-type: none"> • Proses pengaturcaraan data, membuat ubahsuai format data kepada format cetakan Self Mailer(Duplex) 	1 Program		
2.	Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> • Kerja-kerja Percetakan: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Percetakan data(Duplex), membuat garisan perforation dan gam • Penyelenggaraan mel: <ul style="list-style-type: none"> ➢ Penyisihan mel mengikut poskod ➢ Pengiraan, pembungkusan, perlabelan serta mendokumentasi mel mengikut spesifikasi standart Pos Malaysia • Pengurusan mel ke Pos Malaysia 	50,000 x 2 =100,000 50,000 x 2 =100,000 Lumsump		
3.	Bekalan Bahan Mentah <ul style="list-style-type: none"> • Kertas bersaiz A4 • Jenis dan berat kertas harus mengikut kriteria Mel Standard Pos Malaysia • Warna mengikut sampel 	50,000 x 2 =100,000		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

(LAMPIRAN F)

ii. CADANGAN KERJA-KERJA MENCETAK DAN MENGHANTAR NOTIS PEMBAHARUAN LESEN MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON TAHUN 2018.

Bil	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pengaturcaraan Data <ul style="list-style-type: none"> Proses pengaturcaraan data, membuat ubahsuaian format data kepada format cetakan self-mailer (Duplex) 	1 program		
2.	PERKHIDMATAN <ul style="list-style-type: none"> Percetakan data (Duplex), membuat garisan perforation & gam 	8500 ± 100		
	<ul style="list-style-type: none"> Pengisihan mel mengikut poskad Penyelenggaraan Mel – Pengiraan, pembungkusan, pelabelan & dokumentasi mel mengikut spesifikasi standard Pos Malaysia. 	8500 ± 100		
	<ul style="list-style-type: none"> Caj penghantaran mel ke Pejabat Pos Malaysia untuk pengeposan (sekali penghantaran) 	Lumsum		
3.	Bekalan Bahan Mentah <ul style="list-style-type: none"> Saiz kertas: A4 Jenis dan berat kertas harus mengikut kriteria Mel Standard Pos Malaysia Warna mengikut sampel 	8500 ± 100		
4.	SETEM PENGEPOSAN Mengikut kadar tarif pengkelasan baru oleh Pos Malaysia	8500 ± 100		
JUMLAH KESELURUHAN (RM)				

LAMPIRAN G (i)



مجلس فريندارن فورت ديكسين MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-6471122, 6471335, 6474962, 6473904
Fax : 06-6474984 Web: <http://www.mppd.gov.my>

NOTIS PERINGATAN BIL CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2018

AMAR SINGH A/L DULOP SINGH
NO. 51 JALAN CJ4 - 15/1E
TAMAN CHERAS JAYA BALAKONG
43200 SELANGOR

NO AKAUN : A0610080-168
NO TELEFON :
TARIKH BIL : 01/01/2018
TARIKH CETAK : 01/12/2017
NO. KP : 5686958

ALAMAT HARTA	959 TAMAN JIMAH JAYA FASA II, TANAH MERAH SITE C, PORT DICKSON			
KETERANGAN HARTA	MUKIM	NO. LOT	NILAI TAHUNAN	KADAR
	JIMAH	PT 959	RM 1,860.00	4.00%
				CUKAI SETAHUN RM 74.40

BUTIRAN BIL	PENGGAL 1 (JAN - FEB)	SETAHUN (JAN - DIS)	KENYATAAN
CUKAI TAKSIRAN	37.20	74.40	Bayaran Diambilkira Sehingga 30/11/2017 (tertakluk kepada perubahan)
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	495.20	495.20	
CAJ TUNGGAKAN DI BAWAH SEKSYEN 147	307.00	307.00	
BAYARAN WARAN	0.00	0.00	
LAIN-LAIN	0.00	0.00	
JUMLAH PERLU BAYARSEBELUM / PADA 28/02/2018	839.40	876.60	Bayaran hendaklah diterima oleh MPPD pada / sebelum (1) 28hb Februari (Penggala 1) / (2) 31hb Ogos (Penggala 2)
CAJ DI BAWAH SEKSYEN 147 MULAI 01/03/2018 JUMLAH BAYARAN PADA ATAU SEBELUM 31/08/2018		20.00 896.60	
CAJ DI BAWAH SEKSYEN 147 MULAI 01/09/2018 JUMLAH BAYARAN MULAI 01/09/2018		20.00 916.60	

CABUTAN BERTUAH 1 X PERODUA AXIA

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penerimaan cabutan bertuah pada semua nombor cukai tanah di bawah MPPD.
2. Hanya Pemilik sahaja yang layak untuk cabutan bertuah ini.
3. Cabutan bertuah ini diadakan pada 31 Januari 2018 di Pejabat Cukai Port Dickson.
4. Keputusan cabutan bertuah adalah muktamad.



SERTA LAIN-LAIN
HADIAH
UNTUK DIMENANGKI



Jika Gagal, Caj RM 20
Akan Dikenakan
Di bawah Seksyen
147 (1) Akta Kerajaan
Tempatan 1976 Bagi
Setiap Penggal.

SEKIRANYA TIDAK MENERIMA BIL ADALAH MENJADI KEWAJIPAN ANDA UNTUK MENDAPATKANNYA DI KAUNTER-KAUNTER MPPD.
UNTUK MENERIMA BIL SECARA E-MEL, SILA LENGKAPKAN ALAMAT E-MEL DIRUANG YANG DISEDIAKAN

|||||
Jangan Ceraikan Keratan Ini

NAMA : AMAR SINGH A/L DULOP SINGH
ALAMAT HARTA : 959 TAMAN JIMAH JAYA FASA II, TANAH MERAH SITE C, PORT DICKSON

E-MEL :
(Sila lengkapkan alamat e-mel anda disini sekiranya
ingin penghantaran bil melalui e-mel)

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

|||||

MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON BIL CUKAI TAKSIRAN

NO. AKAUN : A0610080-168
NO. BIL :
TARIKH BIL : 01/01/2018
TARIKH CETAK : 01/12/2017

JomPAY Biller Code : 56382
Ref -1 : A0610080168
Ref -2 : Telefon Blimbit

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan
akaun semasa, simpanan atau Kad Kredit

BUTIRAN BIL	PENGGAL 1 (JAN - FEB)	SETAHUN (JAN - DIS)
CUKAI TAKSIRAN	37.20	74.40
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	495.20	495.20
CAJ TUNGGAKAN DI BAWAH SEKSYEN 147	307.00	307.00
BAYARAN WARAN	0.00	0.00
LAIN-LAIN	0.00	0.00
JUMLAH PERLU BAYAR SEBELUM / PADA 28/02/2018	839.40	876.60
CAJ DI BAWAH SEKSYEN 147 MULAI 01/03/2018 JUMLAH BAYARAN PADA ATAU SEBELUM 31/08/2018		20.00 896.60
CAJ DI BAWAH SEKSYEN 147 MULAI 01/09/2018 JUMLAH BAYARAN MULAI 01/09/2018		20.00 916.60

BAYARAN DITERIMA TANPA PREJUDIS

ALAMAT									
POSKOD									
PENGALAMAN									
NO. TELEFON BIMBIT									

SILA MAKLUMKAN SEKIRANYA TERDAPAT PERUBAHAN ALAMAT SURAT-MENYURAT DENGAN MENGIKUTI PETAK-
PETAK YANG DISEDIAKAN

1. Watan Menahan Harta (Borang F) akan dikeluarkan sekiranya Notis Tunjutan (Borang / Notis E) tidak diijazahkan. Bayaran Watan Tahanan akan dikenakan mengikut ketetapan pihak Majlis dari semasa ke semasa. Pihak Majlis juga boleh meminta apa-apa harta ailih mengikut Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Sekiranya bayaran tersebut tidak disempurnakan, harta benda boleh ditahan dan dilelong mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Tunjukkan cukai taksiran juga boleh peruntukan Seksyen 149 Akta 171. Tunjukkan cukai taksiran juga boleh didakwa sebagai hutang dan boleh dituntut di Mahkamah mengikut peruntukan Seksyen 156 Akta 171.
2. Watan Menahan Harta (Borang F) juga boleh dikenakan ke atas penyewa sewas dengan Seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) melainkan penyewa berselaku untuk membayar tunggakan cukai taksiran melalui kaedah potongan sewa bagi pegangan tersebut.
3. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 160 (1), segala pindah milik harta mestilah dimaklumkan kepada pihak Majlis Perbandaran Port Dickson dalam tempoh 3 bulan dengan mengisikan segala butiran di dalam Borang I yang boleh didapati di Pejabat Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPPD. Pemunya boleh dikenakan denda RM2,000.00 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali sekiranya gagal berbuat demikian.
4. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada alamat surat-menyerat, pertanyaan berkenaan tunggakan cukai taksiran dan permohonan Port Dickson dan perlu meletakkan nama, no. telefon dan nombor akaun cukai taksiran dibelakangnya) Secara Mai (Bayaran dibuat atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson dan perlu meletakkan nama, no. telefon dan nombor akaun cukai taksiran dibelakangnya) • Wang Pos • Cek • Bank Draf • Kiriiman Wang • Tunai • Seluruh Malaysia • Tunai, Mesin Deposit, ATM • www.maybank2u.com • www.mycbsn.com.my • www.pbebank.com.my • www.cimbclicks.com.my • www.cimbclicks.com.my • www.mbcards.com
5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkenaan bayaran atau bil cukai taksiran, boleh merujuk ke Jabatan Ferbendaharaan di talian 06-6471122 sambungan 1204.

- i) Kaunter Utama:-
ISNIN - JUMAAT 8.30 pagi - 4.00 petang
SABTU & AHAD 8.30 pagi - 2.00 petang
(bulan Feb & Ogos sahaja)
- ii) Kaunter Cawangan:-
ISNIN - JUMAAT 8.30 pagi - 4.00 petang
- iii) Kaunter Pandu Lalu:-
ISNIN - JUMAAT 8.30 pagi - 4.00 petang
ISNIN - JUMAAT 9.00 pagi - 3.30 petang

WAKTU OPERASI KAUNTER BAYARAN MPPD

** Bagi pembayaran yang dibuat melalui Cek, resit penerimaan hanya dianggap sah apabila Cek tersebut telah ditunjukkan*

7	Telefon	• Call n Pay MBF Cards Services Sdn Bhd
6	Secara Mai	• Wang Pos • Cek • Bank Draf • Kiriiman Wang (Bayaran dibuat atas nama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson dan perlu meletakkan nama, no. telefon dan nombor akaun cukai taksiran dibelakangnya)
5	Internet	• www.maybank2u.com • www.mycbsn.com.my • www.pbebank.com.my • www.cimbclicks.com.my • www.cimbclicks.com.my • www.mbcards.com
4	Bank Simpanan Nasional	• Tunai, Mesin Deposit, ATM
3	Agensi Selampai	• Pejabat Pos • Tunai • Separang jauh di Daerah Port Dickson • TNB, Port Dickson
2	Mesin Pembayaran Automatik (24 Jam)	• Tunai • Cek • Ruang legar kaunter Utama Pejabat Yang Dipertua, MPPD
1	Kaunter Bayaran Port Dickson	• Kaunter Utama : Kaunter Bayaran, Pejabat Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Port Dickson, Tingkat 3, Terminal Bas • Kaunter Cawangan : Kaunter Bayaran, Tingkat 3, Terminal Bas Port Dickson, Jin Kok Wee, 71000 Port Dickson • Tunai • Cek • Kad Kredit • Bank Draf • Wang Pos • Kiriiman Wang

PERINGATAN PENTING KEMUDAHAN CARA BAYAR



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-6471122, 06-6474962
Fax : 06-6474984 Web : <http://www.mppd.gov.my>

BAYARAN POS JELAS
POSTAGE PAID
PUSAT MEL NSIONAL
SHAH ALAM
MALAYSIA
NO. SG 0894

AMAR SINGH A/L DULOP SINGH
NO.51, JALAN CJ4 - 15/1E
TAMAN CHERAS JAYA, BALAKONG,
43200 SELANGOR

LAMPIRAN G (ii)

BAVARAN POS JELAS
POSTAGE PAID
PUSAT MELNASIONAL
SHAH ALAM
MALAYSIA
NO. WP 0083

NOTIS PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2018

MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-647 1122, 647 4962, 647 3904
Fax: 06-647 4984 Web: <http://www.mppd.gov.my>



SEMAKAN PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2018

TEMPOH: MULAI 2 JANUARI 2018 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2018 (HARI BEKERJA).
MASA: 8.00 PAGI – 3.45 PETANG

SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA MEMPERBAHARUI LESEN

1	Borang pengesahan dari jabatan-jabatan terlibat	<input checked="" type="checkbox"/>
2	1keping gambar berwarna berukuran passport.	<input checked="" type="checkbox"/>
3	Salinan resit bayaran pemeriksaan alat pemadam api / no daftar pemadam api yang sah.	<input checked="" type="checkbox"/>
4	Salinan suntikan Typhoid untuk pelesen & pembantu-pembantu (Perniagaan makanan & Minuman sahaja).	<input checked="" type="checkbox"/>
5	Salinan pemeriksaan kesihatan & HIV pembantu-pembantu Pusat kecantikan dan Penjagaan Kesihatan.	<input checked="" type="checkbox"/>
6	Lesen Asal 2017 / Lesen Papan Iklan 2017.	<input checked="" type="checkbox"/>

SILA DAPATKAN PENGESAHAN JABATAN BERIKUT:-

1. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPPD (Sewaan Gerai Majlis)	<input checked="" type="checkbox"/>
2. Jabatan Penguatkuasa, MPPD (Kompaun)	<input checked="" type="checkbox"/>
3. Unit Tunggakan Hasil, MPPD (Cukai Taksiran)	<input checked="" type="checkbox"/>
4. Jabatan Kesihatan Awam (Perniagaan Restoran)	<input checked="" type="checkbox"/>

SYARAT-SYARAT MEMPERBAHARUI LESEN

1. Setiap pelesen tertakluk di bawah UUK Penjaja, UUKTred, Perniagaan, Perindustrian dan Lain-lain Profesyen, UUK Pasar, UUK Iklan, UUK Pelesenan Rumah Tumpangan, UUK Pelesenan Anjing & Rumah Pembiakan Anjing, UUK Pusat Kecantikan & Penjagaan Kesihatan, UUK Pusat Siber & Kafe Siber, UUK Pengendali Makanan, Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan serta lain-lain syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
2. Dokumen yang dinyatakan diatas dan PENGESAHAN JABATAN yang terlibat mestilah lengkap bagi pembaharuan lesen dapat diproses.
3. Setiap PREMIS MAKANAN mestilah mendapat pencapaian tahap kebersihan sekurang-kurangnya GRED B dan GRED 3 BINTANG ke atas bagi TANDAS PREMIS MAKANAN yang telah diperiksa oleh Jabatan Kesihatan Awam, MPPD.
4. Semua pembayar lesen melalui CEK mestilah daripada akaun pembayar pemegang lesen sahaja.
5. Lesen-lesen yang tidak diperbaharui SELEPAS 28 FEBRUARI 2018 di kategori sebagai beroperasi tanpa lesen akan dikenakan denda lewat atau kompaun.